

NO SOALAN : 8

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI
MAHMUD
(KOTA RAJA)**

**TARIKH : 06.03.18
(SELASA)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan secara terperinci hasil pencapaian tujuh produk teras Program Pengiktirafan Veteran 1Malaysia (1MVRP) yang dilancarkan pada Disember 2012.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1Malaysia Veterans Recognition Programme (1MVRP) merupakan program untuk membantu Veteran ATM menyesuaikan diri dengan kehidupan awam dan seterusnya dapat menyumbang semula kepada pembangunan negara setelah menamatkan perkhidmatan. Program ini dilaksanakan melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang melibatkan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi kerajaan serta pihak swasta. Tujuh (7) inisiatif di bawah program ini ialah:

1. Program Penempatan Kerja Untuk Veteran;
2. Program Bantuan Keusahawanan;
3. Program Meningkatkan Penerimaan Latihan di PERHEBAT oleh Industri;
4. Program Kad Privilege 1Malaysia;
5. Program Pusat Sehati 1Malaysia;
6. Program Pembangunan Keluarga Veteran 1Malaysia;
dan
7. Program Membaikpulih Rumah Veteran 1Malaysia.

7

Tuan Yang di-Pertua,

Antara hasil dari pelaksanaan 1MVRP ini ialah :

- Mendapatkan pekerjaan baru kepada 299 veteran melalui **Program Penempatan Kerja** seperti di Polis Diraja Malaysia (PDRM), penguasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), pemandu peribadi dan sebagainya.
- Bagi **Program Bantuan Keusahawanan** pula seramai 1,950 veteran telah dibantu dalam program keusahawanan yang melibatkan bantuan dana keseluruhan sebanyak RM38.5 juta.
- Bagi **Program Meningkatkan Penerimaan Latihan di PERHEBAT oleh Industri**, seramai 587 veteran telah menerima latihan di syarikat-syarikat yang berkenaan dan dari jumlah berkenaan seramai 102 veteran telah ditawarkan pekerjaan.
- Bagi **Program Kad Privilege 1Malaysia** semua veteran samada yang berpencen atau tidak berpencen adalah layak untuk mendapat kad ini yang memberikan diskaun untuk produk-produk utama barangan jualan atau perkhidmatan dari 23 syarikat perniagaan seperti

Focus Point, Royale Bintang Hotel, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Pasaraya Mydin dan lain-lain. (Jumlah veteran terkini 297,593 orang).

- Bagi **Program Pusat Sehenti 1Malaysia**, sehingga kini sebanyak 31 kem telah dijadikan pusat sehenti dimana ianya berfungsi sebagai tempat capaian maklumat kepada veteran. Sehingga kini seramai 21,000 veteran ATM telah mengunjungi pusat ini serta telah mendapat manfaatnya.
- Manakala bagi **Program Membaikpulih Rumah Veteran 1Malaysia** yang bertujuan membantu veteran ATM yang berpendapatan rendah atau miskin memiliki rumah sendiri. Sebanyak 2,632 permohonan diterima dan dari jumlah berkenaan sebanyak 966 buah rumah telah berjaya disiapkan yang melibatkan 346 buah rumah bina baru dan 620 buah rumah baik pulih. Nilai yang telah dibelanjakan dalam menjayakan program ini ialah sebanyak RM23.32 juta dengan memberi manfaat kepada 4,830 isi rumah.